

PENGUMUMAN AWAL

Sidang hadirin rakan-rakan pelajar dan tetamu-tetamu yang saya hormati; Majlis Diskusi Kepimpinan Perdana Mahasiswa bersama YAB Tun Dr Mahthir Mohamad akan bermula sebentar sahaja lagi. Justeru itu saya ingin menarik perhatian rakan-rakan pelajar kepada beberapa perkara berikut;

- 1. Sila padam atau senyapkan telefon bimbit anda sepanjang majlis berlangsung supaya tidak mengganggu konsentrasi dan system audio dewan ini.**
- 2. Kurangkan pergerakan keluar masuk dewan sepanjang majlis berlangsung.**
- 3. Apabila pengumuman ketibaan tetamu kehormat dibuat, saya ingin menjemput rakan-rakan pelajar untuk berdiri sebagai tanda sambutan kepada mereka 😊**
- 4. Sekiranya berlaku sebarang kecemasan seperti kebakaran dan sebagainya, sila keluar melalui pintu2 di sebelah kiri dan kanan dewan ini.**

Segala kerjasama dan perhatian daripada hadirin kamu dahului dgn ucapan terima kasih..

PENGUMUMAN KETIBAAN

MENGUMUMKAN KETIBAAN

YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

Mantan Perdana Menteri Malaysia

Dengan diiringi

YG AMAT BERHORMAT DATO HAJI ABD GHANI BIN OTHMAN

Menteri Besar Johor dan

YANG BERBAHAGIA PROF DATUK IR DR ZAINI BIN UJANG

Naib Canselor UTM

Dan dif-dif kehormat

NYANYIAN LAGU

Lagu Bangsa Johor dan Lagu Negaraku akan dinyanyikan.

Hadirin dipersilakan duduk.

PENGUMUMAN MAJLIS

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

DARI DEWAN SULTAN ISKANDAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KAMI MEMBAWAKAN

DISKUSI KEPIMPINAN PERDANA MAHASISWA BERSAMA

TOKOH NEGARAWAN YANG TIDAK ASING LAGI,

[YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR MAHATHIR BIN

MOHAMAD]

Mantan Perdana Menteri Malaysia

SALUTASI

- 1. YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**
- 2. YG AMAT BERHORMAT DATO HAJI ABD GHANI BIN OTHMAN
MENTERI BESAR JOHOR**
- 3. YANG BERBAHAGIA PROF DATUK IR DR ZAINI BIN UJANG
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**
- 4. YANG BERHORMAT DATUK HAJI MAULIZAN BIN BUJANG
PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN
KOPERASI, PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI JOHOR**
- 5. YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ALI BIN HASSAN
SPEAKER NEGERI JOHOR**
- 6. YANG BERBAHAGIA PROF DATUK DR MOHD TAJUDIN BIN HJ
NINGGAL
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL MAHASISWA & ALUMNI)**
- 7. SAUDARA WAN AHMAD HAZMAN BIN WAN DAUD
PENGERUSI, RAKAN HEMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**
- 8. PENGURUSAN TERTINGGI KERAJAAN NEGERI JOHOR**
- 9. YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
JOHOR**
- 10. AHLI-AHLI YANG BERHORMAT**
- 11. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, DEKAN-DEKAN, PARA
PENGETUA KOLEJ**
- 12. MAHASISWA MAHASISWI UTM**
- 13. RAKAN-RAKAN MEDIA, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN**

14. HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN **INTRO**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Indahnya malam kerana bintang,

Serinya pagi kerana mentari;

Kami ucapkan selamat datang,

Bicara kepimpinan gelanggang diskusi.

Majlis ingin mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu di dewan pada hari ini. Semoga kita dapat memanfaatkan sepenuhnya masa yang diluangkan oleh YAB Tun Dr Mahathir untuk bersama-sama kita berkongsi pengalaman, buah fikiran, cetusan idea dan lontaran idea...

.....

BACAAN DOA

Bagi memberkati majlis kita pada pagi ini, Dengan penuh takzim, majlis mempersilakan Al-Fadhil Ustaz Ellyeen Aminen Bin Mohd Salleh untuk memimpin bacaan doa.

Majlis merakamkan ucapan terima kasih.

.....

UCAPAN NAIB CANSOLOR

Seterusnya, majlis dengan penuh hormat mempersilakan Yang Berbahagia Prof. Datuk Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia untuk menyampaikan ucapan alu-aluan. Majlis mempersilakan.

Terima kasih Yang Berbahagia Prof. Di atas ucapan sebentar tadi.

.....

TAYANGAN KHAS

Sidang hadirin,

Bagi meneruskan majlis kita pada pagi ini, marilah kita sama-sama menyaksikan sebuah tayangan khas yang menyelusuri perjalanan seorang insan yang begitu banyak mencurahkan jasa kepada Malaysia tercinta;

“ TUN MAHATHIR MOHAMAD; TOKOH NEGARAWAN TERBILANG”

Mari kita sama-sama saksikan.

Demikianlah tayangan montaj **“TUN MAHATHIR MOHAMAD; TOKOH NEGARAWAN TERBILANG”**

.....

UCAPTAMA

Sidang hadirin, kita telah tiba di kemuncak acara pada pagi ini. Tanpa melengahkan masa lagi, majlis dengan penuh berbesar hati mempersilakan

**Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin
Mohamad**

Dengan ucaptamanya

**“Mampukah Generasi Muda Malaysia Menjadi Pemacu
Negara Menjelang 2020? Antara Realiti dan Fantasi”**

Majlis mempersilakan.

.....

DISKUSI

Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun atas ucaplama sebentar tadi. Kini majlis membuka ruang untuk sebarang pertanyaan daripada hadirin bagi sesi Diskusi Kepimpinan Perdana Mahasiswa Bersama Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir.

Majlis mempersilakan sebarang persoalan diutarakan kepada YAB Tun.

.....

PENYAMPAIAN CENDERAMATA

Selesai sudah sesi diskusi bersama mahasiswa-mahasiswi UTM. Kini majlis menjemput

YANG BERBAHAGIA PROF DATUK IR DR ZAINI BIN UJANG

Naib Canselor UTM dan

YG AMAT BERHORMAT DATO HAJI ABD GHANI BIN OTHMAN

Menteri Besar Johor

Untuk menyempurnakan penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan atas kebersamaan Yang Amat Berbahagia Tun meluangkan masa untuk sesi Diskusi Kepimpinan Perdana Mahasiswa pada pagi ini.

Dengan itu majlis mempersilakan

**YANG BERBAHAGIA DATUK NAIB CANSELOR UNTUK
MENYAMPAIKAN CENDERAMATA KEPADA**

YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Seterusnya majlis menjemput **YANG BERBAHAGIA DATUK NAIB
CANSELOR** untuk menyerahkan cenderamata kepada

**YG AMAT BERHORMAT DATO HAJI ABD GHANI BIN OTHMAN
Menteri Besar Johor**

.....

Terima kasih diatas penyempurnaan majlis penyampaian cenderamata itu tadi.

.....

LAGU

Sidang hadirin, majlis kita telah hampir ke penghujungnya, Dengan itu, majlis menjemput seluruh warga dewan untuk sama-sama berdiri dan menyanyikan lagu keramat UTM Keunggulan Terbilang dengan penuh bersemangat dan diikuti dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang.

Sekian sahaja **DISKUSI KEPIMPINAN PERDANA MAHASISWA BERSAMA YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD**. Kami ingin memohon maaf sekiranya terdapat kekhilafan sepanjang kami mengendalikan majlis ini. Semoga sesi diskusi ini membawa manfaat kepada semua yang hadir dan sekali lagi bagi pihak penganjur, majlis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Tun Mahathir Mohamad.

Dengan itu saya, Elliyin Bt Rasif dan saya Jais Bin Jamil mengucapkan wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum wbt.

Diminta agar hadirin sama-sama berdiri dan berikan tepukan gemuruh sebagai tanda penghargaan bagi mengiringi tetamu-tetamu kehormat keluar dari dewan.

Sekian, Trima kasih.